

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 JULAI 2020
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : M/ S 42

ANGGARAN PENDUDUK SEMASA MALAYSIA 2020



Bernama
Putrajaya

“Tahun ini jumlah penduduk lelaki di Malaysia melebihi jumlah perempuan dengan masing-masing 16.8 juta dan 15.9 juta iaitu nisbah jantina adalah 106 lelaki bagi setiap 100 perempuan,” kata Ketua Pengangkutan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Beliau berkata, jumlah penduduk Malaysia tahun ini dijangka meningkat kepada 32.7 juta orang berbanding 32.5 juta pada 2019 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 0.4 peratus.

Menurutnya, angka itu berdasarkan Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2020.

“Penurunan kadar pertumbuhan penduduk itu disebabkan pengurangan bilangan penduduk bukan warganegara daripada 3.1 juta tahun lepas kepada 3.0 juta pada 2020.

“Ini selaras penutupan sempadan kita dan pergerakan pulang warga asing ke

Lelaki kian bertambah

Secara nisbah 106 kepada 100, jumlah penduduk cecah 32.7j

negara masing-masing berikutan Perintah Kawalan Pergerakan akibat penyebaran pandemik Covid-19 di seluruh dunia,” katanya.

Mohd Uzir berkata kadar pertumbuhan warganegara kekal stabil pada 1.1 peratus dengan jumlah penduduk meningkat daripada 29.4 juta pada 2019 kepada 29.7 juta tahun ini.


Peratus keseluruhan bagi penduduk 15 hingga 64 tahun (umur bekerja) juga menurun daripada 69.8 peratus pada 2019 kepada 69.7 peratus pada 2020.

Dr Mohd Uzir Mahidin

Beliau berkata, penerbitan itu juga melaporkan peratusan penduduk berusia 0 hingga 14 tahun (umur muda) menurun kepada 23.3 peratus berbanding 23.5 peratus pada 2019.

“Peratus keseluruhan bagi penduduk 15 hingga 64 tahun (umur bekerja) juga menurun daripada 69.8 peratus pada 2019 kepada 69.7 peratus pada 2020.

“Ini berikutan jumlah penduduk bukan warganegara lebih rendah, kebanyakannya terdiri daripada pekerja asing,” katanya.

Menurut Mohd Uzir, peratusan penduduk berumur 65 tahun ke atas (umur tua) meningkat daripada 6.7 peratus kepada 7 peratus pada tempoh sama.

“Umur pertengahan juga meningkat daripada 28.9 tahun pada 2019 kepada 29.2 tahun, tahun ini,” katanya.

Mohd Uzir berkata Malaysia dijangka mengalami penurunan penduduk pada 2020 dengan peratusan penduduk berumur 60 tahun ke atas adalah 15.3 peratus.

Tiga negeri dengan komposisi penduduk tertinggi pada 2020 adalah Selangor (20 peratus) diikuti Sabah (12 peratus) dan Johor (11.6 peratus), katanya.

